

# Dua penulis asing lancar buku mengenai Dr. Mahathir

UM, 15 OCT 2003

PUTRAJAYA 15 Okt. — Kecemerlangan kepimpinan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengharumkan nama negara ke seluruh dunia, mendapat perhatian penulis-penulis asing untuk menulis mengenai Perdana Menteri.

Selain pelbagai buku yang dihasilkan penulis tempatan, banyak penulis asing turut memuji pencapaian Malaysia sehingga berada pada kedudukan sekarang.

Sempena Sidang Kemuncak ke-10, Persidangan Pertubuhan Islam (OIC), dua penulis asing melancarkan buku masing-masing di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini hari ini.

Kedua-dua penulis itu ialah wartawan Arab, Dr. Abdurrahim Abdelwahed yang menghasilkan buku *Dr. Mahathir Mohamad dari Perspektif Arab dan Islam* serta buku *Mahathir: Rahsia Kejayaan Malaysia* yang dihasilkan oleh Duta Bosnia ke Malaysia, Hajrudin Somun.

Buku *Dr. Mahathir dari Perspektif Arab dan Islam* itu dilancarkan oleh Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob dan turut dihadiri Timbalan Setiausaha Agung OIC, Azzat Mufti.

Setiausaha Agung OIC, Dr. Abdel-

quahed Belkeziz berharap pembaca Arab boleh menjadikan kecemerlangan Dr. Mahathir sebagai contoh. Teks ucapannya beliau dibacakan oleh Azzat.

Buku dalam bahasa Arab itu ditulis oleh Dr. Abdurrahim Abdelwahed dan diterbitkan oleh Perbadanan Ajwa' Corporation, Emiriyah Arab Bersatu dan Pelanduk Publication Bhd.

Menurut Abdulouahed, hasil daripada pembacaan buku itu, beliau mendapati keintelektualan Dr. Mahathir telah membawa kepada pembangunan Malaysia dan umat Islam keseluruhannya.

Katanya, Dr. Mahathir menjadikan Malaysia sebagai contoh pembangunan untuk dunia Islam dan itu menjadikannya sebagai 'Jepun Dunia Islam' dengan kadar celik huruf 93 peratus.

"Buku ini pastinya membawa faedah besar kepada pembaca Arab termasuk kalangan ahli politik yang mahu mengetahui rahsia dan perjalanan pencapaian Malaysia," jelasnya.

Sementara itu, Hajrudin berkata, buku *Mahathir: Rahsia Kejayaan Malaysia* ditulis dalam bahasa Bosnia dan akan diterjemahkan ke bahasa Inggeris.